

(2) Bagi maksud Bab ini, "perbuatan pengganas" bermaksud suatu perbuatan atau ugutan tindakan dalam atau luar Malaysia di mana—

- (a) perbuatan atau ugutan jatuh di bawah subseksyen (3) dan tidak jatuh di bawah subseksyen (4);
- (b) perbuatan itu dilakukan atau ugutan dibuat dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan politik, agama atau ideologi; dan
- (c) perbuatan atau ugutan berniat atau yang boleh semunasabahnya dianggap sebagai berniat untuk—
- (i) menakutkan orang awam atau sebahagian daripada orang awam; atau
  - (ii) mempengaruhi atau memaksa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia, mana-mana Kerajaan lain, atau mana-mana organisasi antarabangsa untuk membuat atau menahan daripada melakukan apa-apa perbuatan.

(3) Suatu perbuatan atau ugutan jatuh di bawah subseksyen ini jika ia—

- (a) melibatkan cedera parah pada tubuh seseorang;
- (b) membahayakan nyawa seseorang;
- (c) menyebabkan kematian seseorang;
- (d) mewujudkan risiko yang serius pada kesihatan atau pada keselamatan awam atau sebilangan orang awam;
- (e) melibatkan kerosakan serius pada harta benda;
- (f) melibatkan penggunaan senjata api, bahan letupan atau alat berbahaya yang lain;
- (g) melibatkan pembebasan ke dalam persekitaran alam atau mana-mana bahagian persekitaran alam atau mengedar atau mendedah orang awam atau mana-mana bahagian orang awam kepada—
  - (i) mana-mana bahan bahaya, berbahaya, radioaktif atau memudaratkan;

- (ii) mana-mana bahan kimia toksik; atau
- (iii) mana-mana mikروبial atau agen biologi atau toksin;

(h) adalah direka bentuk atau berniat untuk mengganggu atau mengusik secara serius, mana-mana sistem komputer atau peruntukan mana-mana perkhidmatan yang berkaitan secara langsung dengan infrastruktur komunikasi, perkhidmatan perbankan atau kewangan, utiliti, pengangkutan atau infrastruktur penting yang lain;

- (i) adalah direka bentuk atau berniat untuk mengganggu, atau mengusik secara serius, peruntukan perkhidmatan kecemasan yang penting seperti polis, pertahanan awam atau perkhidmatan perubatan;
- (j) melibatkan prejudis kepada keselamatan negara atau keselamatan awam;
- (k) melibatkan kombinasi mana-mana tindakan yang ditentukan dalam perenggan (a) hingga (j),

dan termasuk apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh menjadikannya suatu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984<sup>1</sup>.

(4) Suatu perbuatan atau ugutan jatuh di bawah subseksyen [Mas. Akta A1303] ini jika ia—

(a) adalah sokongan, bantahan, pertentangan pendapat atau tindakan industri; dan

(b) tidak berniat—

- (i) untuk menyebabkan cedera parah pada tubuh seseorang;
- (ii) untuk membahayakan nyawa seseorang;
- (iii) untuk menyebabkan kematian seseorang; atau
- (iv) untuk mewujudkan risiko yang serius pada kesihatan atau pada keselamatan awam atau sebilangan orang awam.